

# Kejayaan pendidikan Malaysia jadi contoh – Unesco

UM- 3/4/2007

Daripada AHMAD ZUKIMAN ZAIN

PARIS 2 April – Kejayaan Malaysia dalam pendidikan memberikan contoh kepada negara-negara lain, kata Ketua Pengarah Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) Koichiro Matsuura di sini hari ini.

Beliau yang menganggap kejayaan sejak kemerdekaan negara itu sebagai sesuatu yang hebat berkata, perkembangan itu dilakukan di dalam banyak bidang penting.

Beliau memberi contoh mengenai kemasukan ke sekolah rendah di Malaysia yang mencapai lebih 90 peratus manakala kemasukan kanak-kanak itu mempunyai jangkaan kehadiran di sekolah yang tinggi menghampiri kadar keciciran sifar.

“Ini menunjukkan kejayaan bukan hanya mengembangkan akses kepada pendidikan tetapi juga dalam menyediakan pendidikan yang ber-

kualiti tinggi,” katanya pada majlis perasmian pameran bertajuk *Merayakan 50 Tahun Kejayaan Pendidikan Malaysia* bersama Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein di ibu pejabat Unesco.

Beliau berkata, pameran selama seminggu itu juga menyediakan peluang kepada pihak-pihak lain untuk mendapat faedah daripada pengalaman dan perkembangan pendidikan di Malaysia.

“Ini bertepatan dengan usaha-usaha Unesco untuk meningkatkan profil amalan baik dan menggalakkan perkongsian pengalaman. Kami mahu belajar daripada kejayaan pendidikan Malaysia,” katanya pada majlis yang dihadiri wakil-wakil negara anggota Unesco.

“Malaysia kini memperuntukkan lebih lapan peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) kepada pendidikan, satu komitmen yang perlu dicontohi negara-negara lain,” katanya.

Malaysia juga telah berjaya dalam

menekankan kepada keperluan pendekatan holistik yang mengintegrasikan pendidikan kepada strategi pembangunan yang lebih meluas, katanya.

Satu lagi perkembangan besar yang dibuat Malaysia adalah menggerakkan teknologi baru bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan.

Beliau berkata, Malaysia juga telah menunjukkan kelebihan jauh ke hadapan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mampu dibawa ke kawasan pedalaman dan luar bandar.

Hishammuddin, yang tiba di sini hari ini, dalam rangka lawatan enam hari ke Perancis dan Switzerland, berkata Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan.

Ini akan lebih ditingkatkan di bawah Pelan Induk Pendidikan Nasional, melibatkan perancangan lima tahun dari tahun 2006 sehingga 2010.

– Bernama

DANA  
SHIP  
DATION  
KEMERDEKAAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA